

## [SIRI KHAS REJAB] KEBANGKITAN KHILAFAH: MANIFESTASI ISLAM RAHMATAN LIL ALAMIN

**S**emenjak keruntuhan Khilafah Islam yang terakhir di Istanbul secara rasminya pada tanggal 28 Rejab 1342H (bersamaan 3 Mac 1924), umat Islam di seluruh dunia berhadapan dengan pelbagai bentuk penderitaan dan kemunduran dalam segenap aspek kehidupan. Di sebahagian wilayah umat Islam ketika ini, pergolakan dan perperangan akibat campur tangan asing serta penindasan oleh rejim penguasa yang zalim terus berlarutan. Setelah Khilafah diruntuhkan, Islam tidak lagi menjadi sistem kehidupan umat Islam hari ini. Sebaliknya, sistem kehidupan yang wujud dalam dunia Islam ketika ini semuanya meletakkan nilai dan norma menurut sudut pandang Barat. Sistem demokrasi kapitalis yang diterapkan hari ini merupakan warisan penjajah yang berlandaskan prinsip-prinsip kebebasan menurut acuan mereka. Natijahnya, bukan sahaja akidah umat Islam semakin terancam, bahkan Islam juga dihina oleh pihak yang tidak bertanggungjawab atas nama kebebasan berpendapat dan bersuara. Di samping itu, gejala sosial turut berleluasa lantaran tiadanya penekanan terhadap penerapan aturan sosial dan pergaulan mengikut panduan syarak. Keadaan ekonomi umat Islam turut meruncing akibat dibelenggu sistem kapitalis. Peningkatan kos sara hidup, serta melebarnya jurang perbezaan antara yang kaya dan miskin merupakan antara kesan daripada penerapan ekonomi kapitalis yang berdasarkan riba dan akad-akad yang batil.

Demikianlah realiti umat Islam pada hari ini yang menjadi semakin parah semenjak ketidaaan Khilafah lebih 98 tahun lalu. Kini, Khilafah bukan sekadar keperluan yang mendesak, bahkan merupakan satu kewajipan yang telah sekian lama tertangguh. Khilafah inilah yang akan melindungi umat Islam daripada terus diperkotak-katikkan oleh kuasa-kuasa besar dalam percaturan politik dunia, serta menggarap potensi umat ini sepenuhnya demi mengembalikan semula kegemilangannya seperti mana yang pernah dikecapai suatu ketika dahulu.

### Islam Rahmatan Lil 'Alamin

Sheikh Taqiyuddin an-Nabhani di dalam kitabnya *Asy-Syakhsiyah al-Islamiyah* jilid III, menjelaskan bahawa seluruh syariat Islam merupakan rahmat bagi hamba-Nya. Rahmat tersebut merupakan natijah (hasil) daripada penerapan syariat Islam. Islam sebagai *rahmatan lil 'alamin* akan terwujud hanya dengan penerapan syariat Islam, bukan selainnya. Penerapan syariat Islam yang dimaksudkan tentu sahaja perlu dalam konteks yang menyeluruh (*kaffah*), bukan memilih-milih. Dalam usaha merealisasikan penerapan syariat secara *kaffah*, maka negara menjadi sebuah institusi yang penting. Maka dalam konteks ini, keberadaan Khilafah yang akan menerapkan syariat Islam secara *kaffah* menjadi penting dan tanpanya, Islam sebagai *rahmatan lil 'alamin* tidak akan mungkin dapat direalisasikan.

Para ulama dan cendekiawan Islam yang soleh memahami bahawa Khilafah ialah kewajipan mendasar di antara pelbagai kewajipan agung dalam agama Islam. Kewajipan ini bahkan menjadi kewajipan terbesar (*al-fardh al-akbar*) kerana ia merupakan tumpuan bagi perlaksanaan seluruh kewajipan lain. Sebab, banyak hukum-hakam yang tidak mampu ditegakkan tanpa adanya Khilafah seperti hukum-hakam yang berkait dengan sistem ekonomi, pendidikan, sosial, hukuman, keamanan, politik dan dasar luar negara.

*Islam rahmatan lil 'alamin* bukanlah Islam yang melaksanakan syariat Islam hanya dalam aspek individu. Bukan pula Islam yang memilih untuk tunduk kepada doktrin dan tekanan daripada Barat seperti sekularisme, pluralisme, dan liberalisme. Bukan juga Islam yang diam tatkala negara-negara imperialis menjajah negeri umat Islam dengan ideologi kapitalisme bahkan sehingga menceroboh dan mengorbankan nyawa dan harta umat Islam.

Justeru, merupakan suatu kekeliruan fatal apabila memahami *Islam rahmatan lil alamin* boleh direalisasikan tanpa Khilafah. Malah, anggapan penerapan syariah oleh negara sebagai suatu ancaman juga merupakan satu kesalahan yang nyata.

Sebagai Deen yang diturunkan oleh Dzat Yang Maha Sempurna, Islam memiliki ciri-ciri yang terbaik. Allah SWT menegaskan dalam kitabNya, "Kami tidak mengutus engkau [Muhammad], melainkan sebagai rahmat bagi seluruh alam" [TMQ al-Anbiya' (21): 107].

Secara dasarnya, penerapan utama dalam konteks Khilafah Islam memanifestasikan syariat Islam dapat dilihat sebagai berikut;

Penerapan sistem uqubat (hukuman) dalam Islam merangkumi aspek *jawabir* (penebus) dan *zawajir* (pencegahan), serta tidak membezakan bentuk hukuman berdasarkan status. Bahkan dalam sistem Islam, Khalifah serta seluruh barisan pemerintah (*waliyl 'amr*) turut boleh dibawa ke muka pengadilan melalui Mahkamah Mazhalim sekiranya wujud pertikaian. Keadilan Islam juga dapat dilihat berdasarkan kaedah fiqh "*al-aslu bara'atu zimmah*" (tidak bersalah sehingga disabitkan bersalah - setelah dibicarakan) yang menjadi asas proses penghakiman. Khilafah juga bertanggungjawab dalam memastikan keadilan, keamanan dan keselamatan warganya daripada ancaman dalam dan luar negara.

Dari sudut perekonomian, Islam mempunyai penyelesaian terhadap setiap permasalahan asas manusia dan memberikan penekanan terhadap jaminan hak-hak setiap manusia. Dasar-dasar dalam sistem ekonomi Islam menjelaskan dengan begitu terperinci aspek pemilikan (*al-milkiah*), pemanfaatan pemilikan (*at-tashoruf fil milkiah*),

serta pengagihan kekayaan (*tauzi'u tsarwah bayna an-nas*). Pengunaan mata wang *dinar* dan *dirham* (emas dan perak) sudah pasti akan mampu menjamin kestabilan dan kelangsungan ekonomi negara, tidak seperti mata wang fiat tanpa sandaran emas/perak yang membawa kepada ketidakstabilan akibat transaksi ribawi dan spekulasi serta menjadi antara punca utama inflasi.

Bagi menangani masalah kemiskinan, Islam menjamin keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal untuk dipenuhi oleh negara. Negara bertanggungjawab mencipta dan membuka peluang pekerjaan lalu mewajibkan setiap lelaki untuk bekerja sehingga dia mampu memenuhi keperluan-keperluan asas dirinya sendiri, seterusnya memenuhi nafkah orang-orang yang menjadi tanggungannya. Jika individu tersebut tidak mampu bekerja, maka Islam juga telah menjelaskan peranan dan tanggungjawab ahli warisnya sehingga jiran tetangganya untuk memenuhi keperluan primernya jika mampu. Jika tiada yang mampu, maka negaralah yang wajib memenuhinya melalui peruntukan daripada baitul mal. Sejarah menukilkan bagaimana pada zaman Khalifah Umar bin Abdul Aziz tidak ditemukan siapa pun yang layak untuk menerima zakat. Hal ini membuktikan bahawa ke-makmuran dapat tercapai melalui penerapan sistem Islam secara *kaffah*.

Dalam aspek sosial pula, Islam telah menggariskan hak dan tanggungjawab bagi lelaki dan wanita. Islam meletakkan kemuliaan kepada wanita pada tempatnya. Dalam masa yang sama, institusi kekeluargaan turut diatur ke arah membentuk suasana yang sakinah, mawaddah, dan rahmah. Pendidikan anak turut diberikan penekanan berdasarkan nilai ketakwaan dan akhlak Islamiyyah. Sementara itu, negara juga wajib menyediakan peluang pendidikan kepada setiap warganya secara percuma tanpa membebankan para penuntut ilmu dengan yuran pengajian yang tinggi seperti yang dilihat pada hari ini. Kehidupan bermasyarakat menurut Islam menekankan permuafakatan, saling membantu serta mengambil tahu kebaikan setiap anggota masyarakat. Amalan menyeru kebaikan dan mencegah kemungkar (amar makruf, nahi mungkar) turut memainkan peranan penting sebagai mekanisme dalam membendung penularan kemaksiatan dan gejala sosial dalam masyarakat.

Lalu timbul persoalan, bagaimana pula dengan nasib dan hak orang bukan Islam? Apakah mereka akan berhadapan dengan diskriminasi dan dinafikan hak? Sudah tentu tidak, bahkan sistem Islam telah menggariskan jaminan hak bagi *ahlu zimmah* (warga Khilafah yang bukan beragama Islam) dalam urusan kepercayaan, ibadah, makan-minum, dan perkahwinan mereka. Mereka turut diberikan hak yang setara dengan warga negara Muslim, serta mempunyai wakil untuk menyuarakan pandangan dan saranan dalam Majlis Umat di bawah sistem Khilafah. Adapun *jizyah* yang dikenakan terhadap pula tidak membebangkan, bahkan hanya dikenakan terhadap lelaki kafir dewasa yang berakal serta berkemampuan.

Di bawah naungan Khilafah Rasyidah, syariat Islam diterapkan secara *kaffah* (menyeluruh) serta tidak dicampur-adukkan dengan *hadharah kufur*. Melalui penerapan yang menyeluruh, keindahan Islam terserlah sepetimana yang dapat dilihat dalam lipatan sejarah sewaktu zaman Rasulullah SAW serta para Khulafa' ar-Rasyidin.

Meskipun berhadapan dengan pelbagai ujian dari dalam dan luar, namun semuanya dihadapi berlandaskan panduan

wahyu, bukannya berlandaskan akal dan hawa nafsu semata-mata. Hasilnya, umat Islam bukan sahaja meraih kemuliaan dalam tempoh kurang daripada satu abad semenjak turunnya wahyu kepada Rasulullah SAW, malah Khilafah Islam turut berhasil menumbangkan dua kuasa besar dunia pada waktu itu iaitu Rom dan Parsi yang telah sekian lama menguasai geopolitik dunia dan seterusnya menguasai hampir dua pertiga dunia pada waktu itu.

Demikianlah gambaran secara umum tatkala penerapan syariah dilaksanakan secara *kaffah* dalam bingkai Khilafah Rasyidah. Hanya dengan penerapan keseluruhan sistem Islam barulah rahmat dan hikmahnya dapat direalisasikan, sejajar dengan *maqasid syariah* (objektif penerapan syariah). Sebaliknya penerapan secara *juz'i* dan bercampur-aduk dengan *hadharah kufur* tidak akan sama sekali membawa rahmat, bahkan boleh mendatangkan fitnah terhadap kesucian Islam itu sendiri.

Sesungguhnya Khilafah pasti akan kembali buat kali keduanya, sepetimana yang dikhabarkan melalui lisan Rasulullah SAW. Soalnya adakah kita akan berdiam diri dan terus leka dalam sistem kufur yang diterapkan hari ini? Atau kita turut sama menggembeng segenap upaya demi meraih kemuliaan dalam usaha murni untuk mengembalikannya? Semoga kita tidak menjadi sebahagian daripada pihak yang menentang kewajipan ini atas kejahilan dan kesombongan dalam diri, sepetimana golongan musyrik dan kafir yang enggan menerima Islam setelah di-datangkan wahyu serta peringatan. Akhir kalam, marilah bersama-sama dengan Hizbut Tahrir dalam melaksanakan tugas mulia ini mengikut *thariqah* (metode) yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW, iaitu dakwah melalui pendekatan politik secara intelektual tanpa kekerasan.

## CABARAN DALAM USAHA MENGEMBALIKAN SEMULA KHILAFAH

Usaha mengembalikan semula Khilafah Rasyidah berhadapan dengan pelbagai cabaran dan ujian getir dalam pelbagai bentuk termasuklah dari aspek dalaman maupun luaran.

### CABARAN DALAMAN

Tentangan daripada pemerintah umat Islam yang bimbang kehilangan kuasa serta kepentingan peribadi. Para pemerintah yang mengadaptasi pemikiran sekular-liberal pasti akan mengerahkan segala upaya di bawah penguasaannya untuk menghalang usaha murni ini.

### CABARAN DALAMAN

Cabarannya membentuk pandangan umum dalam kalangan umat Islam agar mendukung aspirasi perjuangan ini. Terdapat segelintir umat Islam sendiri yang menolak usaha murni ini, setelah sekian lama dicengkam doktrin demokrasi-kapitalisme dan termakan dengan propaganda musuh-musuh Islam yang menempelkan persepsi negatif terhadap institusi agung politik Islam ini.

### CABARAN LUARAN

Cabarannya dari luar datang daripada kuasa-kuasa besar yang khawatir hegemoni mereka terancam dengan munculnya sebuah kuasa besar baru yang menyatakan umat Islam serta berupaya mengerahkan segenap potensi umat ini untuk bangkit daripada terus dicengkam dan ditindas.

### CABARAN LUARAN

Penentangan daripada orang bukan Islam, termasuk di negara ini yang melihat penerapan syariah dari sudut negatif hasil dakyah daripada media dan musuh Islam. Serangan propaganda jahat ini turut bertujuan memupuk sentimen Islamophobia melalui pendekatan menyerang amalan-amalan Islam yang digambarkan sebagai kolot, menindas, serta ganas.

Cabarannya sebegini tidak melunturkan semangat perjuangan, sebaliknya meneguhkan lagi iltizam para pejuang yang ikhlas. Pastinya cabaran tersebut ditangani melalui pendekatan politik secara intelektual tanpa kekerasan, selari dengan apa yang ditunjukkan oleh junjungan mulia Rasulullah SAW.